KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	4/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	SEDA			

HM 4.1.2022_9

'Baucar tunai RM500 sangat bermakna'

Kuala Lumpur: Baucar tunai sebanyak RM500 bagi pembelian barangan elektrik kepada setiap keluarga dapat membantu meringankan beban mangsa banjir.

Walaupun ia dilihat satu jumlah kecil pada sebahagian orang, namun ia amat bermakna terutama ketika mangsa banjir berada dalam tempoh pemulihan.

Mangsa banjir, Badarudin Dawam, 63, berkata, bantuan berkenaan adalah yang paling diperlukan khususnya kepada mereka yang kehilangan keperluan asas.

Katanya, barangan elektrik adalah satu keperluan untuk kehidupan seharian dan ia perlu diganti segera.

"Bagi saya, ia sangat membantu. Semua mangsa perlu kembali kepada kehidupan asal segera dan bantuan ini akan membantu mereka.

"Saya dan mangsa banjir lain berterima kasih kerana ketika kami buntu memikirkan bagaimana untuk mula semula, kerajaan mengumumkan bantuan seperti ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bantuan RM500 bagi menggantikan barangan elektrik yang rosak akibat bencana banjir dalam perutusan tahun baharu 2022, baru-baru ini.

Pembelian boleh dibuat di premis atau di platform e-dagang yang diiktiraf oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Program ini akan dilaksanakan 7 Januari ini.